

19/12/1997

Jimat penggunaan buruh asing: Dr M

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mahu operasi pengeluaran dalam sektor industri negara diubah suai untuk menjimatkan penggunaan tenaga buruh.

Perdana Menteri berkata, industri yang tidak berorientasikan eksport perlu mengurangkan pergantungan kepada buruh asing, yang kebanyakannya tidak mahir dan kurang produktif.

"Oleh itu, sektor industri perlu melatih buruh berilmu dan berkemahiran untuk membolehkannya beralih kepada pengeluaran nilai ditambah yang lebih tinggi dan peningkatan penggunaan teknologi.

"Industri yang bergantung kepada tenaga buruh tidak membawa kepada peningkatan produktiviti," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian Anugerah Kecemerlangan Industri '97 di sini, hari ini.

Dr Mahathir juga mahu industri lebih peka terhadap penggunaan dan aplikasi teknologi baru dan teknologi yang dipertingkatkan bagi mencetuskan inovasi dalam industri dan memperkukuhkan asas teknologi negara.

(END)